

**JABATAN LAUT SEMENANJUNG MALAYSIA**  
**NOTIS PERKAPALAN SAUDAGAR**  
**Nombor Notis : JL 5/1996**

Notis kepada Pemilik, pengusaha, Nahkoda, Anak-anak Kapal dan Pusat Latihan Pelaut

**PENETAPAN JUMLAH DAN KELAYAKAN OPERATOR BAGI KAPAL-KAPAL BERTARAF GMDSS**

Merujuk kepada perkara tersebut diatas, adalah dengan ini pihak Jabatan menetapkan jumlah dan kelayakan operator bagi kapal-kapal bertaraf GMDSS seperti berikut:

Seorang pegawai pemegang "General Operator Certificate" yang berkhidmat secara eksklusif sebagai operator radio ; atau

Dua orang pegawai pemegang "General Operator Certificate" yang berkhidmat secara bukan eksklusif sebagai operator ; atau

Seorang pegawai pemegang "Radio Electronic Certificate" Kelas 1 atau Kelas 2 yang berkhidmat secara eksklusif

Untuk makluman juga, sijil "General Operator Certificate" dan "Radio Electronic Certificate" yang dikeluarkan oleh negara asing perlu mendapat pengiktirafan dari Jabatan Telekom Malaysia sebagai sijil yang setaraf sebelum ianya diterima sebagai telah mematuhi keperluan yang dinyatakan diatas.

Sekian

**(ABD. JAMIL BIN MURSHID)**

b.p. Ketua Pengarah Laut,  
Semenanjung Malaysia.

Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia,  
Peti Surat 12,  
42007 PELABUHAN KLANG  
MALAYSIA

Tarikh : 1 Julai 1996